

Wakaf *Basyari* Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) Indonesia: Potensi dan Halangan Pelaksanaannya di Malaysia

[Basyari Waqf at Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) Indonesia: Potentials and Challenges of Its Implementation in Malaysia]

Zul-kifli Hussin¹, ‘Ainul Mardhiah Zabidi² & Shazalmi Saad³

¹ (Corresponding Author) Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Malaysia. E-mail: zul-kifli@usas.edu.my.

² Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Soisial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Bukit Chandan, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Malaysia. E-mail: ainulmardhiah@usas.edu.my.

³ SMK Raja Perempuan Kelsom, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Malaysia.

ABSTRACT

Waqf is an Islamic financial instrument with great potential to address current and future of economic pressure. In reality, not all institutions can implement it and fully capitalize on its potential. One of the key reasons for this is that the waqf way of life and culture have not been instilled in children from a young age, resulting in a generation without a waqf-oriented mindset. Drawing from the experience of Pondok Modern Darussalam, Gontor [PMDG], it was developed from waqf funds by a generation of waqf-minded individuals. To date, this waqf fund has become a significant pillar in the management of education, medicine and plantations in Gontor. More importantly, the sustainability of waqf in Gontor is supported by one of the five main principles known as the five souls (panca jiwa), namely sincerity. From this principle, the concept of the basyari waqf was born. This article aims to highlight both the potential and obstacles in implementing Gontor's basyari waqf model in Malaysia. To achieve this, a qualitative research design was employed, with data collected through document analysis, direct observation, and semi-structured interviews. The data was subsequently analyzed using content analysis. The study found that the Basyari Waqf has the potential to be successfully realised in Malaysia, provided that it is initiated by the highest authorities to instil a waqf mindset among employees. Obstacles to implementation can be overcome with careful planning and supporting documents certified by law. The study's implications suggest that implementing the Basyari Waqf model can foster a culture of endowment and optimize the utilization of voluntary human resources. Additionally, it encourages policymakers to adopt this model as a reference in the development of the waqf system in Malaysia.

Keywords: *Sincerity; Basyari Waqf; Immovable property; Pondok Modern Darussalam Gontor*

ABSTRAK

Wakaf ialah instrumen kewangan Islam yang berpotensi besar dalam menangani tekanan ekonomi. Namun, pelaksanaannya terbatas kerana budaya berwakaf tidak dipupuk sejak kecil. Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) membuktikan kejayaan wakaf apabila institusinya dibangunkan dan dibiayai oleh generasi berminda wakaf. Hingga kini, dana ini menjadi tunjang sektor pendidikan, perubatan dan perladangan, berasaskan prinsip ikhlas dalam Panca Jiwa yang melahirkan konsep wakaf basyari. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan potensi dan halangan pelaksanaan wakaf basyari model PMDG di Malaysia. Bersesuaian dengan tujuan tersebut, reka bentuk kajian kualitatif digunakan dengan sokongan data daripada analisis dokumen, pemerhatian langsung, dan temu bual separa berstruktur. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati bahawa wakaf *basyari* memiliki potensi untuk direalisasikan di Malaysia dengan syarat ia perlu dimulai oleh pihak tertinggi sehingga membentuk minda wakaf dalam kalangan pekerja. Halangan pelaksanaannya boleh diatasi jika dirancang dengan teliti berserta dokumen sokongan yang diperakui oleh undang-undang. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar institusi di Malaysia mencontohi model wakaf *basyari* PMDG dalam usaha membangunkan model wakaf basyari di Malaysia. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penerapan model wakaf basyari berpotensi membudayakan amalan wakaf serta mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia secara sukarela. Selain itu, ia turut mendorong pembuat dasar untuk menjadikan model ini sebagai rujukan dalam pembangunan sistem wakaf di Malaysia.

Kata Kunci: Ikhlas; Wakaf *Basyari*; Harta tak alih; Pondok Modern Darussalam Gontor

How to Cite:

Received: 31-01-2025
Revised: 5-05-2025
Accepted: 23-05-2025
Published: 31-05-2025

Hussin, Z., Zabidi, A. M. & Saad, S. (2025). Wakaf *Basyari* Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) Indonesia: Potensi dan Halangan Pelaksanaannya di Malaysia. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 94-115.

1. Pendahuluan

Wakaf berasal daripada perkataan Arab iaitu *waqf* yang bermaksud menahan (*al-habs*) sesuatu harta daripada digunakan selain untuk jalan Allah SWT (al-Jurjani, 1983). Secara umumnya, ia merujuk kepada pemberian harta untuk

tujuan keagamaan, kebajikan, atau kepentingan umum semata-mata kerana Allah SWT. Manfaatnya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan bukan untuk tujuan maksiat (Ghazali, 2021).

Wakaf merupakan satu bentuk *ubudiyyah* yang disyariatkan dalam Islam. Meskipun hukumnya sunat, ganjarannya berterusan selagi manfaat harta wakaf tersebut kekal. Skop wakaf merangkumi aspek ibadah, sosial, ekonomi, dan ketenteraan (Mujiburrahman et al., 2024). Dorongan untuk berwakaf telah digariskan dalam Al-Quran melalui ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep mengeluarkan harta demi mendekatkan diri kepada Allah SWT dan melaksanakan amal kebajikan. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Ingatlah Allah jualah yang menyempit dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan” (al-Baqarah 2: 245).

Perbincangan hukum syarak berkaitan wakaf melibatkan empat rukun utama iaitu pewakaf (*waqif*), harta yang diwakafkan (*mawquf*), penerima manfaat (*mawquf 'alaih*), dan lafaz atau niat wakaf (*sighah*). Menurut fuqaha, harta wakaf mestilah milik sah pewakaf, halal, berkekalan dan bermanfaat. Wakaf juga terbahagi kepada dua kategori berdasarkan jenis harta iaitu wakaf alih dan wakaf tak alih (Ab Rahman et al., 2020).

Wakaf *basyari* atau wakaf diri, merujuk kepada sumbangan sumber daya manusia seperti masa, tenaga, kepakaran, atau pengetahuan untuk kepentingan umum tanpa ganjaran kewangan. Ia berbeza daripada wakaf tradisional yang melibatkan aset fizikal kerana wakaf *basyari* menekankan manfaat bukan fizikal. Konsep ini memperluas pemahaman wakaf kepada bentuk sumbangan insaniah. Pelaksanaan wakaf *basyari* dapat dilihat dalam bidang pendidikan dan kesihatan, misalnya apabila seorang guru atau pensyarah mewakafkan masa untuk mengajar tanpa menerima gaji atau elaun. Begitu juga, seorang doktor atau jururawat boleh memberikan rawatan percuma kepada masyarakat yang memerlukan (Saputra et al., 2023).

Amalan di Malaysia, wakaf *basyari* lebih dikenali sebagai wakaf perkhidmatan atau kepakaran yang merujuk kepada konsep wakaf dalam bentuk sumbangan kepakaran oleh individu tertentu untuk kemaslahatan masyarakat. Definisi wakaf kepakaran hampir sama dengan wakaf *basyari*, namun ia lebih spesifik kepada bidang kepakaran tertentu. Wakaf kepakaran memberi peluang kepada para profesional untuk memberikan khidmat secara percuma, sambil membina jaringan sosial yang kukuh dalam masyarakat. Di Indonesia, istilah wakaf diri atau *basyari* merupakan konsep yang biasa

digunakan sebagai bentuk pengabdian diri dalam masyarakat, sama ada untuk tempoh tertentu atau selama-lamanya.

Contoh pelaksanaan konsep ini boleh dilihat di Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG), yang mengamalkan sistem wakaf diri bagi memastikan kelangsungan pondok tersebut (Saputra et al., 2023). Prinsip yang dipegang oleh warga Gontor ialah pondok merupakan tempat beramal dan memberi khidmat sosial. Ia bukan milik individu atau ahli keluarga tertentu, tetapi dimiliki oleh seluruh umat Islam. Kemajuan dan kemunduran pondok bergantung kepada kesedaran umat Islam sebagai pemiliknya.

Kajian ini penting bagi mengetengahkan konsep wakaf *basyari* yang masih kurang diberi perhatian dalam amalan wakaf arus perdana di Malaysia. Dengan meneliti model wakaf *basyari* Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG), ia menawarkan pendekatan baharu dalam pembangunan sumber manusia berasaskan keikhlasan, kesukarelawanan dan khidmat masyarakat. Kajian ini membantu institusi wakaf dan pembuat dasar merangka garis panduan pelaksanaan wakaf *basyari* yang selari dengan budaya dan perundangan tempatan.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menilai potensi dan halangan pelaksanaan wakaf *basyari* berasaskan model PMDG di Malaysia. Tumpuan diberikan dalam aspek kebolehlaksanaan wakaf dalam bentuk kepakaran dan khidmat sukarela. Ia turut mengkaji cabaran dari sudut pentadbiran, perundangan dan kesedaran masyarakat. Dapatan kajian diharap dapat menjadi panduan berguna kepada institusi wakaf, pembuat dasar dan penyelidik dalam memperkasa wakaf *basyari* sebagai sebahagian strategi pembangunan dan kelestarian sumber manusia Islam di Malaysia.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan kajian kes eksploratori (Cohen et al., 2000). Ia sesuai untuk isu yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui data numerikal (Rozmi Ismail, 2016), terutamanya dalam mengkaji model wakaf *basyari* PMDG. Kajian kualitatif memberi penekanan kepada pendekatan deskriptif, induktif, pembinaan teori asas (*grounded theory*), serta bagaimana individu memberi makna kepada kehidupan (Rozmi Ismail, 2016). Pengumpulan data primer diperoleh melalui pemerhatian turut serta (*participant observation*), iaitu pengamatan langsung terhadap fenomena yang dikaji (Rejab & Abdullah, 1982). Menurut Sugiyono (2017), observasi dalam penyelidikan kualitatif dilakukan secara tidak berstruktur kerana fokus penyelidikan belum jelas. Ia turut melibatkan kepekaan perasaan penyelidik dalam menangkap suasana yang tidak dinyatakan secara lisan (Faisal, 1990; Qomar, 2023). Pemerhatian ini

dijalankan selama dua minggu di PMDG untuk memahami suasana, interaksi sosial dan amalan institusi secara langsung.

Protokol temu bual separa berstruktur turut dilaksanakan bersama pensyarah di UNIDA, tenaga pengajar PMDG, seorang peguam sivil, dan pensyarah di USM. Jadual 1 menunjukkan senarai informan yang terlibat dalam temubual. Pemilihan informan dibuat melalui persampelan bertujuan dan turut dikenali sebagai *intentional* atau *judgement sampling*. Ketiga-tiga istilah ini merujuk kepada kaedah pemilihan sampel kajian yang dilakukan berasaskan pertimbangan penyelidik (Cohen et al., 2000) mengenai maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Informan dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman langsung berkaitan pelaksanaan wakaf *basyari*. Proses temu bual dijalankan secara fleksibel agar soalan dapat disesuaikan dengan konteks dan jawapan. Data dianalisis menggunakan pendekatan interpretif, iaitu berdasarkan pemahaman penyelidik terhadap fenomena yang dikaji (Mohd Awang et al., 2019). Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti dapatan sedia ada, manakala analisis tematik digunakan bagi mengeluarkan tema baharu berkaitan wakaf *basyari* PMDG (Michelle & Lara, 2020).

Jadual 1: Informan Kajian Wakaf *Basyari*

Bil	Kod	Informan	Nama
1.	Informan 1	Pensyarah UNIDA Gontor	Mufti Afif
2.	Informan 2	Pensyarah UNIDA Gontor	Ako Nur Cahaya
3.	Informan 3	Guru PMDG	M. Kurnia Rahman Abadi
4.	Informan 4	Peguam Sivil	Muhammad Hasanuddin Mohd Yusoff
5.	Informan 5	Pensyarah Kehormat	Prof Madya Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar

3. Sorotan Kajian

Konsep wakaf *basyari* semakin mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji, terutamanya berkaitan wakaf perkhidmatan, pendidikan dan kepakaran. Kajian lepas telah membincangkan pelbagai bentuk harta wakaf yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah. Ghazali dan Raffar (2021) menjelaskan bahawa terdapat tiga bentuk harta wakaf iaitu harta tak alih (*'aqar*), harta alih (*manqul*), serta hak dan manfaat (*al-huquq wa al-manfa'ah*).

Walaupun wakaf kebiasaannya dikaitkan dengan harta fizikal, namun hak dan manfaat juga merupakan bentuk harta yang relevan dalam konteks semasa kerana urus niaga moden banyak melibatkan aspek tersebut. Wakaf kepakaran merujuk kepada sumbangan manfaat melalui kemahiran dan

pengetahuan individu. Menurut Ab Rahman et al. (2020), wakaf perkhidmatan dan kepakaran merupakan wakaf tenaga yang sah di sisi syarak. Sebagai contoh, pakar perubatan boleh mewakafkan kepakaran mereka untuk merawat pesakit tanpa sebarang bayaran. Muhammad Ridhwan (2020) turut menegaskan kepentingan wakaf dalam bentuk kepakaran, kemahiran dan tenaga sukarela sebagai pelengkap kepada bentuk wakaf konvensional seperti wang tunai.

Menurut Saidi et al. (2023), pelaksanaan wakaf perkhidmatan di Malaysia boleh diperluas melalui model tertentu yang membantu institusi wakaf melaksanakannya secara lebih berkesan. Model ini dilihat lebih fleksibel berbanding wakaf kekal dan sesuai dengan keperluan masyarakat kini. Meskipun amalan wakaf di Malaysia mengikut mazhab Syafii, pelaksanaan wakaf perkhidmatan masih boleh dirujuk kepada pandangan mazhab lain seperti Maliki dan Hanbali, selaras dengan peruntukan dalam Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri yang membenarkan penggunaan pandangan mazhab lain jika memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam konteks promosi wakaf, Ab Rahman et al. (2018) mencadangkan penggunaan model AIDA (*Attention, Interest, Desire, Action*) yang lazim digunakan dalam bidang pemasaran. Model ini bermula dengan menarik perhatian masyarakat (*Attention*), menimbulkan minat (*Interest*), membina keinginan (*Desire*), dan akhirnya mendorong tindakan (*Action*) untuk berwakaf. Pendekatan ini perlu dilaksanakan secara kreatif dan berterusan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap amalan wakaf.

Model wakaf pendidikan yang pertama kali dibangunkan, menurut Azkiyah (2020), adalah Badan Wakaf Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG). Kemudian, model ini diikuti oleh Fatoni University dan Dana Wakaf Pendidikan UTM. Pengenalan model wakaf pendidikan ini merupakan kesinambungan yang telah berkembang sejak zaman berzaman. Manfaat wakaf universiti digunakan untuk membiayai kos operasi, menyediakan kemudahan dan infrastruktur, serta memenuhi keperluan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sangat berkait rapat dengan objektif penubuhan skim wakaf di universiti. Universiti Darussalam Gontor (UNIDA), yang merupakan sebahagian daripada Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) telah dibuka secara rasmi pada 4 Julai 2014 dan terletak di kawasan tanah persawahan di Desa Ponorogo. Badan Wakaf PMDG adalah institusi tertinggi yang mengelola pengurusan PMDG, termasuk UNIDA. Aset wakaf UNIDA mempunyai ciri keunikan tersendiri kerana ia terdiri daripada wakaf produktif dan wakaf diri, yang merupakan ciri khas wakaf PMDG (Azkiyah, 2020; Mohd Ali Muhamad et al., 2022).

Tuntasnya, sorotan kajian ini telah membincangkan perkembangan konsep wakaf *basyari* khususnya dalam bentuk wakaf kepakaran, perkhidmatan dan pendidikan yang semakin mendapat perhatian pengkaji

semasa. Kajian lepas menekankan kepelbagaian bentuk harta wakaf seperti harta tak alih, harta alih serta hak dan manfaat yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah. Wakaf tenaga seperti kepakaran dan perkhidmatan diiktiraf sah di sisi syarak dan dilihat mampu menyokong keperluan semasa secara lebih fleksibel. Model promosi seperti AIDA disarankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap amalan wakaf. Dalam konteks pendidikan, model wakaf institusi seperti PMDG dan Dana Wakaf Pendidikan UTM menunjukkan keberkesanan wakaf dalam menyokong operasi institusi pengajian tinggi. Justeru, pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian kerana masih belum terdapat kajian khusus yang meneliti Wakaf Basyari Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG), Indonesia: Potensi dan Halangan Pelaksanaannya di Malaysia.

4. Dapatan dan Perbincangan

Evolusi wakaf semakin berkembang dengan munculnya inovasi wakaf baharu iaitu wakaf emas, wakaf korporat, wakaf seni, wakaf saham, wakaf tunai, wakaf pendidikan, wakaf harta intelek dan wakaf perkhidmatan. Semua wakaf ini dicetuskan oleh ulama kontemporari untuk menggalakkan dan mempelbagaikan wakaf dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan wakaf seperti wakaf tunai, wakaf pendidikan, wakaf korporat telah dilaksanakan secara meluas. Universiti Al-Azhar di Mesir adalah salah satu contoh wakaf yang masih wujud sehingga kini, yang dibiayai sepenuhnya oleh badan wakaf negara Mesir (Saufi et al., 2021). Terdapat pelbagai institusi wakaf di Malaysia melaksanakannya, manakala wakaf perkhidmatan adalah satu perkara yang baharu yang ingin dilaksanakan dan pelaksanaannya masih belum meluas di Malaysia dengan hanya lima negeri sahaja yang mempunyai peruntukan enakmen berkaitan wakaf perkhidmatan ini iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Perak.

Perkembangan wakaf perkhidmatan di Malaysia dilihat selari dengan konsep wakaf yang diamalkan di Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG), Indonesia. PMDG menjadi pelopor kepada konsep yang dikenali sebagai wakaf basyari, iaitu sumbangan dalam bentuk tenaga, kepakaran dan khidmat sukarela demi pembangunan institusi pendidikan Islam. Konsep ini berasaskan kepada falsafah Panca Jiwa, iaitu lima nilai asas yang menjadi landasan kehidupan di pondok pesantren.

Lima nilai tersebut ialah keikhlasan, kesederhanaan, kemandirian, ukhuwwah Islamiyyah dan kebebasan. Tradisi ini merupakan warisan daripada tiga tokoh pengasas hebat PMDG, yang dikenali sebagai Trimurti, iaitu K.H. Ahmad Sahal, K.H. Zainuddin Fannanie dan K.H. Imam Zarkasyi. Mereka menekankan bahawa pondok bukanlah medan mencari keuntungan,

sebaliknya merupakan ruang untuk beramal, berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat. Bagi mereka, pondok adalah milik seluruh umat Islam, bukannya milik individu atau keluarga. Oleh itu, kemajuan atau kemunduran institusi pondok bergantung kepada kesedaran kolektif umat Islam dalam memeliharanya sebagai sebuah amanah bersama (Muhammad Iqbal et al., 2016).

Wakaf adalah perkara yang dilaksanakan oleh para sahabat Nabi SAW. Dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* menyebutkan bahawa:

وقد اشتهر الوقف بين الصحابة وانتشر، حتى قال جابر رضي الله عنه: ما بقي أحد من أصحاب رسول الله - صلى الله عليه وسلم - له مقدرة إلا وقف. وقال الشافعي رحمه الله تعالى: بلغني أن ثمانين صحابياً من الأنصار تصدّقوا بصدقات محرمات. والشافعي رحمه الله يطلق هذا التعبير (صدقات محرمات) على الوقف.

Maksudnya: “Dan telah masyhur berwakaf di antara sahabat dan menyeluruh, sehingga Jabir RA berkata; “Tidaklah tersisa daripada para sahabat Nabi SAW yang memiliki kemampuan (*financial*) kecuali mewakafkan hartanya. Al-Imam al-Syafi’i berkata; “Telah sampai kepadaku bahawa 80 sahabat daripada Ansar bersedekah dengan sedekah yang diharamkan (dijual dan dihibahkan). Al-Syafi’i mengucapkan redaksi ‘sedekah yang diharamkan’ ini untuk erti wakaf” (M. Mubasysyarum Bih, 2019).

Melihat kembali sejarah silam di Malaysia, amalan berwakaf sebenarnya telah dipraktikkan dalam kalangan guru-guru agama di pondok-pondok di Malaysia suatu masa dahulu. Namun, ketika itu belum lagi dikenal istilah wakaf perkhidmatan atau *wakaf basyari*. Ketika itu, murid-murid lepasan pondok setelah tamat belajar kembali untuk mengabdikan diri dan berkhidmat untuk pondok di mana mereka belajar tanpa mengharapkan ganjaran.

4.1 Model Wakaf Basyari Model PMDG di Malaysia

Penamaan wakaf sama ada dengan nama wakaf perkhidmatan mahupun wakaf ilmu telah mula mendapat tempat di Malaysia. Pemilihan perbincangan artikel ini berkaitan *wakaf basyari* kerana ia merupakan model yang telah dilestari sehingga mencapai usia satu abad. Dari segi ketekalannya, ia telah pun teruji dan masih menjadi prinsip di PMDG. Model ini terus dihayati oleh seluruh karyawan dan santri-santri di PMDG mahupun di UNIDA. Atas dasar ini,

maka PMDG dipilih sebagai model bagi pelaksanaan wakaf di Malaysia. Berbanding negara-negara di Timur Tengah dan sebahagian negara di Asia Tenggara, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa berwakaf belum menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia, namun sudah wujud perkembangan yang agak baik ke arah itu.

Untuk mewujudkan budaya berwakaf, maka terlebih dahulu hendaklah disemai dahulu minda wakaf dalam diri setiap umat Islam di Malaysia. Justeru, manfaat-manfaat wakaf belum sepenuhnya dirasakan oleh sebahagian besar penduduk di Malaysia, melainkan di beberapa tempat sahaja. Misalnya penubuhan UCB (Univesity College Bestari, Setiu Terengganu merupakan sebuah IPTS yang berdasarkan wakaf sepenuhnya (Baharuddin Sayin et al., 2016; Mutiara Dwi Sari & Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, 2016). Demikian juga Pembangunan Pusat Komersial Wakaf Seetee Aisah di Jalan Tun Hussein Onn, Seberang Jaya, Pulau Pinang, Dewan Penginapan Mahasiswa (DPM) di Universiti Sultan Azlan Shah oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan pembinaan dua blok (75 unit) bangunan Apartmen lima tingkat yang mampu menampung seramai 720 pelajar dalam satu-satu masa (*Wakaf Perak Ar-Ridzuan*, 2017) dan juga beberapa tempat yang lain.

Sebagaimana yang telah bincangkan dalam kajian-kajian sebelumnya, evolusi wakaf yang asalnya adalah berbentuk harta tak alih, akhirnya dikembangkan kepada bentuk-bentuk baharu termasuk harta alih iaitu wakaf perkhidmatan. Wakaf perkhidmatan ialah wakaf yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang lalu mewakafkan kepakarannya kepada masyarakat yang boleh mendatangkan manfaat buat umat Islam sehingga akhir zaman. Wakaf kepakaran atau perkhidmatan telah dilaksanakan di *Kuwait Awqaf Public Foundation* (KAPF), mereka telah melaksanakan wakaf kepakaran bagi sukarela universiti untuk membantu jemaah haji dan umrah dalam bidang kesihatan, pentadbiran, kesedaran dan bimbingan agama. Model ini merupakan integrasi di antara wakaf bertempoh dan kesukarelaan (Muhammad Ikhwan et al., 2023).

Setiap individu mempunyai kebebasan untuk terlibat dalam wakaf perkhidmatan tanpa sekatan daripada mana-mana pihak. Namun, potensi pelaksanaan inisiatif ini lebih jelas pada pegawai kerajaan yang telah melepasi usia persaraan. Institusi boleh memanfaatkan kepakaran mereka dengan memberi peluang berkhidmat secara sukarela serta menyediakan kemudahan tertentu. Kebanyakan institusi kini melantik semula individu selepas tamat perkhidmatan secara kontrak dan membayar gaji sama seperti sebelumnya.

Kaedah ini secara tidak langsung meningkatkan kos institusi serta mengurangkan peluang lantikan tenaga kerja baharu dan kenaikan pangkat bagi pekerja sedia ada. Melalui konsep wakaf perkhidmatan, institusi dapat memanfaatkan tenaga pakar tersebut untuk membimbing pelapis baharu

mengikut pengalaman dan kepakaran masing-masing. Dengan itu, kehilangan tenaga pakar dapat dielakkan sambil menjimatkan kos yang perlu ditanggung institusi.

Konsep wakaf baharu ini telah mula mendapat perhatian dan diiktiraf oleh beberapa negeri di Malaysia. Menurut Ab Rahman et al. (2020), takrif wakaf perkhidmatan dan kepakaran adalah wakaf tenaga yang dibenarkan dalam hukum syarak, seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 (c), Enakmen Wakaf Terengganu 2016, Enakmen Wakaf Selangor 2015 dan Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005, seperti berikut: (c)

“menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya”

Muhammad Ikhwan et al. (2023) dalam kajian mereka telah memetik pandangan Amir Sharuddin yang menyatakan bahawa wakaf perkhidmatan adalah satu kaedah yang perlu diberi perhatian serius dan wakaf ini mampu meningkatkan sumbangan orang awam. Wakaf jenis ini membolehkan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang menyumbang idea dan tenaga mereka dalam bentuk wakaf lantaran ramai profesor yang sudah melepasi usia persaraan dan mereka mempunyai kepakaran yang sangat berharga. Menurut beliau lagi sebagaimana dipetik oleh Mohd Fairuz Salleh et al. (2022) menyatakan:

“...lima negeri (Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Perak) ini mengiktiraf kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai daripada segi syarak sebagai wakaf perkhidmatan, iaitu dalam bentuk menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan... ..wakaf perkhidmatan penting kerana ia cara yang membolehkan orang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang menyumbang idea dan tenaga mereka dalam bentuk wakaf... ..apatah lagi wakaf perkhidmatan sangat luas contohnya apabila seseorang doktor perubatan mahu mewakafkan kepakarannya...persoalan wakaf bangunan dan wakaf dana selesai apabila hospital itu berjaya dibina termasuk dengan kelengkapan, tetapi timbul isu apabila tiada orang untuk menjalankan operasinya...jadi, doktor dan pegawai perubatan yang berminat boleh mewakafkan kepakaran dengan berkhidmat di situ secara percuma hingga timbul persoalan apakah kepakaran sebegini diterima sebagai bentuk wakaf...”

Daud Bakar dalam Fairuz et al. (2022) Ketika membincangkan tentang wakaf *al-khadamat* beliau menjelaskannya dengan sangat baik. Menurutnyanya:

“...perbincangan ulama telah membahaskan wakaf bukan sekadar aset atau hartanah tetapi juga aset manqul dan movable. Malah kajian yang sedang saya jalankan, saya melihat dalam Kewangan Sosial Islam (*Islamic social finance*) wakaf juga perlu mencakupi perkhidmatan kemanusiaan. Tema kemanusiaan yang diterima seluruh dunia seperti “*Doctors without borders*”, wakaf tidak hanya terhad kepada alatan hospital dan perubatan. Untuk pengetahuan, Bank Dunia telah keluarkan sukuk sebanyak US Dollar 500 million sukuk pada 3 tahun yang lepas untuk disalurkan kepada pelarian-pelarian dan mangsa peperangan dalam bentuk selimut dan vaksinasi. Namun, yang paling penting selain daripada alatan serta ubat-ubatan adalah doktor dan jururawat. Persoalannya bolehkah kita melakukan wakaf perkhidmatan atau disebut sebagai *wakaf al-khadamat*...” “...Alhamdulillah saya telah jumpa dalam kitab al-Thurath bahawa boleh dilakukan *wakaf al-khadamat* dengan penggunaan masa itu untuk diwakafkan. Ini kerana tanpa doktor, instrumen wakaf tidak boleh bergerak dan produktif. Doktor perlukan gaji kerana mereka juga ada kekangan kewangan. Wakaf boleh memainkan peranan. Mungkin betul atau mungkin salah itu soal akademik. Tetapi kita kena war-warkan satu konsep wakaf yang baharu. Masa sumbangan doktor di skema United Nation boleh diunitkan kepada satu konsep yang boleh diterima Syariah dalam menyelesaikan masalah kemanusiaan. Seperti mana kerja-kerja pensyarah di universiti, unit 1 jam kredit misalnya boleh diwakafkan sebagai *wakaf al-khadamat*...”

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, tidak syak lagi bahawa wakaf perkhidmatan seharusnya menjadi keutamaan dan sebarang halangan perlu diselesaikan secepat mungkin. Atas dasar itu, artikel ini berhasrat untuk mengetengahkan kewujudan pelaksanaan wakaf *basyari* model PMDG dan kemungkinan pengaplikasiannya di Malaysia dan dalam masa yang sama mengenal pasti halangan-halangan pelaksanaannya.

4.2 Potensi Pelaksanaan Wakaf Basyari di Malaysia

Konsep wakaf perkhidmatan ini dilihat sedikit berbeza dengan kaedah *wakaf basyari* model PMDG. Wakaf *basyari* melibatkan sumbangan tenaga dan kepakaran bermula dalam kalangan santri (pelajar pondok) hingga ke tenaga pakar yang bermula daripada usia muda hingga akhir hayat mereka. Konsep

ini dilihat lebih lestari dan praktikal. Mereka bekerja seikhlas hati dan tiada sistem gaji. Mereka berkorban masa dan tenaga. Jangankan menuntut gaji yang tinggi, dibayar atau tidak, itu bukan menjadi persoalan bagi mereka. Dalam temu bual yang dijalankan pada 7 Julai 2024, ketika ditanya sama apakah mereka tidak menghadapi kesukaran dalam kehidupan memandangkan pada masa kini, segala-galanya memerlukan wang, informan 1 menjawab:

“Jika kurang, Allah yang mencukupkan...”

Soalan diajukan kepada informan 2 (Ako Nur Cahaya, 2024) berkaitan wakaf *basyari*, lalu dijawab bahawa apabila beliau telah berikrar untuk mengabdikan diri kepada Gontor, “maka Gontor menjamin kebajikan sehingga tanah kubur juga telah disediakan untuknya”. Bukan itu sahaja, menurut informan 1 (Mufti Afif, 2024), segala biaya pengurusan PMDG dan UNIDA (Universitas Darussalam Gontor) didanai daripada dana wakaf, maka para santri dan mahasiswa tidak boleh “besar kepala” kerana lazimnya apabila pelajar berasa bawa gaji yang diperolehi oleh para pensyarah diambil daripada yuran pengajian, maka mereka dengan sewenang-wenangnya akan menghina para pensyarah bahawa gaji bulanan yang diterima adalah hasil daripada wang yuran-yuran mereka.

Oleh itu, kos pengurusan institusi pendidikan khususnya seharusnya dibiayai dengan dana wakaf bagi mengelak perkara demikian berlaku. Oleh itu, PMDG dan UNIDA tidak berasa bimbang dengan sistem yang mereka terapkan kepada santri dan mahasiswa mereka. Terbukti, PMDG dan UNIDA termasuk institusi pengajian yang dipandang tinggi sama ada di dalam negara mahupun luar negara. Konsep inilah yang disemai oleh trimurti PMDG. Minda wakaf dimulai sendiri oleh trimurti dan akhirnya menjadi ikutan para karyawan dan santri-santri di PMDG.

Persoalan yang timbul adalah apakah masih terdapat dalam kalangan masyarakat yang berjiwa demikian? Hal ini bukanlah mustahil untuk dilaksanakan di Malaysia. Ia harus dimulai daripada sekarang. Anak-anak harus disemai budaya berwakaf sehingga melahirkan insan yang berminda wakaf. Namun, idea ini tentunya ada cabaran dan halangan dan bukanlah semudah yang disangkakan. Hal yang sama dialami oleh PMDG, namun oleh kerana mereka ditanam dengan jiwa kemandirian, maka segala cabaran dapat dilalui dengan baik. Lebih membanggakan PMDG kini telah berusia satu abad (1924-2024) dan bergerak gagah hasil daripada konsep *wakaf basyari* dan kecekapan mereka dalam menguruskan aset-aset wakaf.

Jika dilihat dari segi sumbangan ilmu atau kepakaran, amalan ini telah dilaksanakan di kebanyakan universiti mahupun agensi di Malaysia. Tanpa menolak pelaksanaannya di universiti-universiti lain, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang misalnya telah mempraktikkan satu

pendekatan yang dinamai sebagai Pensyarah Kehormat. Pensyarah Kehormat ini diterima melalui permohonan oleh pensyarah-pensyarah USM yang telah berpencen dan ingin terus menyumbang kepakaran mereka kepada USM.

Dengan status sebagai Pensyarah Kehormat dengan terma-terma yang dipersetujui, mereka boleh menikmati semua kemudahan sebagaimana yang diperolehi ketika mereka masih berkhidmat merangkumi kemudahan bilik pensyarah, mengekalkan gelaran anugerah universiti seperti profesor atau profesor Madya, kecuali tidak dibayar atas apa jua sumbangan mereka. Dengan perkataan lain, khidmat mereka boleh dianggap sebagai sukarela. Menurut Informan 4 yang merupakan salah seorang Profesor Madya Kehormat apabila ditanya tentang proses penerimaan untuk menjadi pensyarah kehormat, beliau menjawab:

“...status sebagai pensyarah kehormat boleh dikemukakan kepada universiti dan atas *discretion* universiti sama ada untuk menerima atau menolak permohonan tersebut...” (Mohamad Zaini Abu Bakar, 2025)

Menariknya, pensyarah kehormat di USM dibenarkan menyumbang kepakaran mereka sebagai penyelia kedua (*co-supervisor*) bagi pelajar pascasiswazah. Walaupun pandangan mereka hanya bersifat nasihat dan tidak mengikat keputusan kajian atau boleh menjadi penguji (*examiner*), sumbangan ini menyerupai konsep wakaf *basyari* seperti diamalkan oleh PMDG.


Pendekatan ini membolehkan USM memanfaatkan kepakaran dan kelestarian ilmu pensyarah kehormat serta mengekalkan kecemerlangan akademik melalui latihan kepada pelapis baharu. Walaupun tidak dinamakan secara rasmi sebagai wakaf, pensyarah kehormat sering menamakan sumbangan ini sebagai wakaf ilmu. Pandangan Syauqi Ahmad Dunya dalam Zubair et al. (2024) menyifatkan bentuk sumbangan tenaga kerja secara sukarela ini sebagai *al-waqf al-a'mal*, iaitu kerja kebajikan tanpa mengharapkan balasan. Sementara ditinjau dari penulisan Mohd Fairuz et al. (2022), amalan ini selari dengan konsep wakaf perkhidmatan, di mana individu yang mempunyai kepakaran seperti dalam bidang IT, perubatan atau pendidikan mewakafkan ilmu dan kemahiran mereka demi manfaat ummah.

Model wakaf perkhidmatan tidak dipersetujui oleh Zubair Amir et al. (2024) yang berpendapat bahawa ia bercanggah dengan konsep wakaf atas empat alasan utama. Pertama, ia disamakan dengan kerja sukarelawan yang tidak tertakluk kepada rukun wakaf seperti *waqif*, *sighah*, *mawquf 'alayh*, dan *mawquf bih*. Kedua, sekiranya lafaz *sighah* merujuk kepada wakaf sedangkan maksud sebenar hanyalah kerja sukarela, maka ia tidak boleh dianggap sebagai wakaf menurut kaedah *al-'ibrah fi al-'uqud li al-ma'ani dun al-alfaz*,

iaitu penilaian akad berdasarkan maksud, bukan lafaz semata-mata. Ketiga, sumbangan kepakaran atau perkhidmatan dianggap sebagai pekerjaan yang layak menerima upah dan dikategorikan sebagai harta menurut jumhur fuqaha.

Oleh itu, *mawquf* bagi wakaf perkhidmatan ialah nilai kerja itu sendiri. Keempat, istilah wakaf perkhidmatan bersifat *ijtihadi* dan tidak disebut secara langsung oleh para ulama terdahulu yang menjadikan pelaksanaannya terbuka kepada pelbagai cadangan dalam pembangunan harta wakaf (Zubair Amir et al., 2024). Oleh itu, wakaf perkhidmatan boleh didefinisikan sebagai sumbangan manfaat kepada masyarakat awam atau kepada individu tertentu dengan mewakafkan bayaran upah perkhidmatan tersebut kepada badan wakaf. Definisi ini bersifat lebih konseptual berbanding praktikal, dan cadangan pelaksanaannya memerlukan penglibatan semua pihak. Pengkaji juga telah mencadangkan langkah-langkah tertentu bagi merealisasikan wakaf perkhidmatan sebagaimana tertera dalam Rajah 2 di bawah:

Rajah 2: Model Skim Wakaf Perk



Sumber: (Zubair Amir et al., 2024)

4.3 Halangan dan Cabaran Pelaksanaan Wakaf Basyari

Melihat kepada pelaksanaan *wakaf basyari* di PMDG, maka ramai pihak khususnya pelawat-pelawat daripada Malaysia yang berkunjung ke PMDG begitu teruja dan berhasrat untuk melaksanakan sistem yang sama di Malaysia. Namun, informan 3 berkongsi kata-kata kiyai PMDG bahawa pihak-pihak di Malaysia tidak mungkin dapat meniru sepenuhnya ada yang telah dilaksanakan di PMDG kerana berbezanya budaya dan undang-undang di negara masing-masing (M. Kurnia Rahman Abadi, 2024). Jika diamati dengan tanpa pengetahuan tentang prinsip wakaf *basyari*, maka mungkin ada pihak

yang akan menyamakan pendekatan *wakaf basyari* sebagai amalan buruh paksa.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, timbul persoalan adakah *wakaf basyari* dapat dilaksanakan di Malaysia? Untuk menjawab persoalan tersebut, wajar dibincangkan Akta yang menaungi pekerja-pekerja di Malaysia iaitu Akta Kerja 1995 (Akta 265). Dalam Seksyen 90B Akta Kerja 1995 (Akta 265) adalah satu peruntukan dalam undang-undang buruh di Malaysia yang berkaitan dengan pembayaran gaji kepada pekerja. Seksyen ini memberikan panduan mengenai cara dan kaedah yang harus diikuti oleh majikan dalam membayar gaji kepada pekerja mereka. Antara perkara penting dalam Seksyen 90B adalah:

1. Pemotongan Gaji: Seksyen ini membenarkan majikan membuat pemotongan tertentu dari gaji pekerja, tetapi hanya untuk tujuan yang ditetapkan dan secara adil.
2. Kelayakan Pekerja: Seksyen ini juga memperincikan keadaan di mana pekerja layak untuk mendapatkan gaji, serta syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh majikan.
3. Sekatan Pembayaran: Terdapat juga sekatan mengenai jenis pemotongan yang tidak dibenarkan, bagi melindungi hak pekerja dan memastikan mereka menerima gaji yang adil untuk kerja yang telah dilakukan.
4. Penyelesaian Pertikaian: Seksyen ini termasuk prosedur penyelesaian jika terdapat pertikaian berkaitan gaji dan pemotongan, memberikan pekerja saluran untuk mempertahankan hak mereka.

Selain itu, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga perlu dibaca bersama bagi menilai pelaksanaan wakaf *basyari* ini. Untuk mengambil sepenuhnya pelaksanaan wakaf *basyari*, maka ia tidak mungkin dapat dilaksanakan di Malaysia. Benarlah sebagaimana yang ditegaskan oleh informan 3 bahawa konsep wakaf *basyari* tidak mungkin dapat dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Ia hanya boleh dilaksanakan dalam bentuk khidmat sukarela, tetapi bukan dalam bentuk wakaf *basyari*. Prinsip sukarela ini boleh dilakukan sebagaimana yang telah dilaksanakan di USM dan juga yang dijalankan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dengan menyediakan borang wakaf perkhidmatan sebagaimana contoh di bawah:



BORANG WAKAF PERKHIDMATAN (SYARIKAT)

PWS mempelawa anda untuk bersama-sama **MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH.**

Wakaf Perkhidmatan adalah sebuah program yang memberi peluang dan ruang kepada pihak syarikat untuk mewakafkan perkhidmatan atau kepakaran kepada PWS.

Nama Syarikat	
No. Pendaftaran Syarikat	
Tarikh Penubuhan Syarikat	
Alamat Pejabat	
No. Telefon Pejabat	
No. Faksimili	
Maklumat Pengarah Syarikat	
Laman Web	
Perkhidmatan / kepakaran yang ingin diwakafkan	
CIDB ☐ PKK ☐ MOF ☐	
Pegawai untuk dihubungi	
Lampiran Profil Syarikat	

Sumber: (Perbadanan Wakaf Selangor, 2024)

Model ini hakikatnya hanya sesuai untuk seseorang yang melakukan kerja secara sukarela sebagaimana yang dipraktikkan di USM dalam perbincangan di atas. Manakala bagi seseorang yang berstatus pekerja bagi sesebuah agensi atau institusi, mereka terikat dengan Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP) atau IRA). Akta ini terpakai kepada seluruh Malaysia dan memperuntukkan peraturan perhubungan antara majikan dan pekerja dengan kesatuan sekerja mereka dan pencegahan dan penyelesaian pertikaian perusahaan. ‘Pekerja’ yang dimaksudkan adalah merujuk kepada mana-mana orang, termasuk perantis yang diambil bekerja oleh majikan di bawah kontrak pekerjaan untuk bekerja untuk upah atau ganjaran (KPPIT, 2024).

Selagi mana mereka adalah berstatus pekerja, tidak boleh wujud sebarang persyaratatan baharu yang mengatasi Akta sedia ada dan jika ada, maka ia dianggap *void ab initio*. Hal ini dijelaskan dalam temu bual bersama informan 4, seorang peguam sivil yang membawa contoh berikut: “apa saja persetujuan tak boleh dikira benar jika melanggar undang-undang”.

Informan 4 turut membawa satu contoh berkaitan gaji minima yang pernah dikendalikan, katanya:

“...kes yang saya sendiri buat di Mahkamah buruh...dia ni OKU, dia oku dia tempang, jadi takde sape nak ambik dia keja...dia pergi

jumpa klien saya *owner* hotel bajet..dia dia tak nak tapi dia kesian...kesian..kesian...takpe la bang kalau abang nak keja juga tapi saya tak perlu abang ni..tapi kalau abang nak keje jugak , abang datang sini malam, abang jadi jaga lebih kurang duduk depan pintu saya, saya boleh bagi RM900 je...ok...terima kasih...terima kasih tuan..lepas tu masa dia keje memang teruk...dia tak datang apa semua, jadi client saya menyampah lah, tak payah..tak payah datang lagi. Dia (oku) pegi Pejabat buruh, Pejabat buruh cakap, minta maafalah “apa saja persetujuan tak kisah..dia tetap pekerja kamu, kamu kawal dia, kamu tetapkan waktu dia datang, kamu tetapkan waktu rehat dia, kamu majikan dia. Jadi sekarang, kamu bukan saja tak bayar gaji minima, kamu tak carum KWSP, kamu tak carum SOCSO semua sangkut...sedangkan bersetuju tu.. tetapkan gaji RM900 sebulan tapi waktu tu gaji minima RM1500 tapi disebabkan ada persetujuan dah langgar undang-undang gaji....” (Hasanuddin Yusoff, 2025)

Dalam kes Bu Yoon Lian lwn Meng Sin Corner (Award No. 1183 of 2021). Bu Yoon Lian (Penuntut) mendakwa bahawa dia telah dibuang kerja tanpa sebab atau alasan yang adil. Penuntut membawa ke Mahkamah Perusahaan dan akhirnya Mahkamah Perusahaan membuat keputusan bahawa berdasarkan fakta-fakta kes ini mahkamah mendapati bahawa Pihak Menuntut bukanlah pekerja Syarikat dalam pengertian "pekerja" seperti yang ditakrifkan di bawah s2 IRA 1967.

Mahkamah selanjutnya mendapati bahawa tidak ada pemecatan yang dibuktikan oleh Pihak Menuntut dalam kes ini Penuntut bukanlah seorang pekerja (*contract of service*) tetapi adalah *contract for service* (Bu Yoon Lian V. Meng Sin Corner, 2021; Donovan & Ho, 2021). *Contract of Service* adalah dalam hal keadaan seseorang (pekerja) bekerja untuk majikan di bawah pengawasan majikan. Pekerja biasanya terikat dengan syarat dan ketentuan yang ditetapkan oleh majikan, termasuk waktu kerja, gaji, dan manfaat lainnya. Manakala *contract for services* ialah seseorang kontraktor menawarkan perkhidmatan tertentu kepada majikan tetapi tidak terikat dengan cara yang sama seperti pekerja. Mereka bebas menentukan cara dan cara menjalankan tugas mereka dan tidak berada di bawah pengawasan langsung majikan.

Secara ringkas, kontrak jasa melibatkan hubungan kerja yang lebih terikat dan teratur, sementara kontrak untuk jasa lebih bersifat fleksibel dan tidak terikat. Merujuk kes Syarikat Bubblebee Sdn Bhd didenda RM17,500 oleh Mahkamah Majistret atas tujuh pertuduhan termasuk tunggakan caruman

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (Nor Azlida, 2024) dan hal ini jelas satu kesalahan kerana caruman wajib dibuat ke atas pekerja.

Dalam konteks perbincangan ini, halangan untuk melaksanakan wakaf *basyari* model PMDG tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya, melainkan dilaksanakan model USM atau Model Skim Wakaf Perkhidmatan yang dicadangkan oleh Zubair Amir et al. (2024). Selama mana seseorang itu dikategorikan sebagai pekerja, maka mereka terikat dengan seperti yang ditakrifkan di bawah s2 IRA 1967. Jadual 2 di bawah adalah pemetaan wakaf *basyari* PMDG dan Pensyarah Kehormat serta Model Skim Wakaf Perkhidmatan yang dicadangkan oleh Zubair Amir et al. (2024).

Jadual 2: Pemetaan Model Wakaf *Basyari*

Bil	Perincian	PMDG/UNIDA	USM	Model Zubair Amir et al
1	Status Pekerja	√	X	-
2	Nama Model	wakaf <i>basyari</i>	Profesor Kehormat/Profesor Madya Pensyarah Kehormat	Wakaf Perkhidmatan
3	Bayaran gaji	X	X	√, namun mewakafkan bayaran upah kepada badan wakaf
4	Bayaran Upah/Ganjaran	√	X	-
5	Sumbang Ilmu/Kepakaran	√	√	√
6	Wakaf diri	√	x	X
7	Jaminan kemudahan harian-Kematian	√	x	X
8	Tempoh mula berkhidmat	Dari awal hingga meninggal	Selepas pencen	Berkhidmat seperti biasa

Sumber: Olahan daripada pembacaan

Jadual 2 di atas jelas menunjukkan bahawa tujuh kriteria iaitu status pekerja, bayaran gaji, bayaran upah, sumbangan ilmu/kepakaran, wakaf diri, jaminan kemudahan sepanjang hayat dan tempoh perkhidmatan. Dari segi status pekerja, Malaysia terikat dengan halangan perundangan dan jika ini berjaya diselesaikan, maka model wakaf *basyari* PMDG dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Sebagai alternatif, kaedah yang dilaksanakan oleh USM dan Model Skim Wakaf Perkhidmatan yang dicadangkan oleh Zubair Amir et al. (2024) boleh disegerakan dan terapkan oleh pihak yang berminat. Dari segi bayaran gaji pula, wakaf *basyari* PMDG tidak ada istilah gaji bagi mereka. Mereka

berkonsepkan wakaf *basyari* (wakaf diri). Elemen ini juga mustahil dilaksanakan di Malaysia melainkan oleh kalangan pekerja yang telah berpencen dan mempunyai jaminan kewangan untuk meneruskan kehidupan atau melalui sumbangan ilmu lalu hasilnya upah atau gaji diwakafkan kepada badan tertentu. Oleh kerana tiada istilah gaji seperti di Malaysia, maka alternatifnya mereka diberikan upah, itu pun tidak ditentukan dalam jumlah tetap sebagaimana gaji.

Seterusnya, wakaf diri boleh dikatakan sukar untuk dilaksanakan lebih-lebih lagi bagi individu yang baru bekerja dan membuat banyak komitmen yang perlu ditunaikan. Faktor seterusnya adalah jaminan masa depan dan kemudahan yang disediakan. PMDG dan UNIDA menyediakan kemudahan asas seperti rumah kepada pekerja mereka, malahan data daripada temu bual menunjukkan bahawa tanah pusara juga telah tersedia bagi mereka.

Konsep ini secara jujurnya tidak berlaku dan sukar dilaksanakan dalam mana-mana model sedia ada di Malaysia. Terakhir, hakikatnya wakaf *basyari* PMDG telah bermula seawal mereka sebagai santri di PMDG dan kebanyakan pensyarah di UNIDA adalah santri-santri di PMDG. Budaya berwakaf telah sebatik dalam diri mereka dan sukar dibayangkan kehebatan didikan trimurti terhadap santri dan karyawan di kedua-dua institusi mereka iaitu PMDG dan UNIDA.

Secara ringkasnya dapatlah dirumuskan bahawa minda wakaf PMDG sukar ditandingi. Ia terancang dan tersusun rapi. Potensi-potensi yang terbit daripada model wakaf *basyari* begitu besar sehingga mereka tidak bergantung dari mana-mana sumber bantuan kerajaan melainkan dijana dariada dana dan aset wakaf bagi membangun institusi mereka. Paling tidak, untuk mencontohi mereka, dua kekuatan utama telah dikenal pasti, iaitu model wakaf *basyari* PMDG ditunjangi oleh faktor mencontohi trimurti dan elemen Panca Jiwa yang terdiri daripada lima karakteristik jiwa, iaitu keikhlasan, kesederhanaan, kemandirian, *ukhuwwah Islamiyyah* dan kebebasan. Kedua-dua inilah hakikatnya menjadi tunjang utama kejayaan wakaf *basyari* PMDG.

5. Kesimpulan

Pro dan kontra pelaksanaan wakaf perkhidmatan di Malaysia masih belum terlaksana sepenuhnya di negeri masing-masing. Bukan itu sahaja, ia masih diperdebatkan tentang status hukumnya, malah halangan perundangan juga perlu dimuktamadkan. Kewujudan undang-undang juga ada kebbaikannya iaitu bagi menjamin hak-hak pekerja dan majikan terjaga seterusnya mencipta hubungan harmoni di antara pekerja dan majikan.

Semangat PMDG wajar dicontohi khususnya pada elemen spritual. Mereka telah melaksanakannya dan usia wakaf *basyari* PMDG telah

mencecah usia 100 tahun. Kaedah ini ternyata berkesan dan mampu melonjak ekonomi dan menjimatkan kos pengurusan sesuatu institusi, bahkan ia menjadi aset utama kepada institusi terbabit. Model wakaf *basyari* PMDG mungkin tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia terutamanya atas alasan perundangan dan usaha memupuk minda wakaf dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

Walau bagaimanapun, pendekatan yang boleh diaplikasikan adalah sama ada memperkemas usaha yang telah dilakukan oleh institusi dan agensi sedia ada atau boleh menggunakan kaedah wakaf perkhidmatan. Namun idea ini perlu dipupuk dan diteroka seterusnya disesuaikan di mana-mana institusi yang bersesuaian. Semua ini tidak akan menjadi kenyataan melainkan harus dibangunkan dahulu minda wakaf dalam kalangan rakyat Malaysia. Selain itu ia mesti digerakkan oleh pihak atasan sebagaimana yang ditunjukkan oleh pengasas PMDG.

Rujukan

- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., & Ab Rahman, A. (2020). Peranan Institusi Wakaf Dalam Melestarikan Pengurusan Warga Emas Di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 8(1), 21-30.
- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan Wakaf dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 49-64.
- Abd Rahman, S. S. B., & Idris, J. (2018). Aplikasi Model AIDA Dalam Pengurusan Wakaf. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*.
- Ako Nur Cahaya. (2024, Julai 07). Wakaf Basayari. (Zul-kifli Hussin, Interviewer).
- Al-Jurjani, A. M. (1983). *Al-Ta'rifat*. Bayrut: Lubnan: Dar al-Kutb al-'Alamiyah.
- ANGKASA. (2024). Skim Infaq Lil-Waqf. <https://angkasa.coop/bm/index.php/pages/skim-infaq-lil-waqf>
- Azkiyah, F. (2020). Wakaf Diri Di Pondok Modern Darussalam Gontor Menurut Hukum Islam Dan Hukum Positif. *Al-Mazaahib: Jurnal Perbandingan Hukum*, 8(1), 69-92.
- Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani, Muhammad Hamizan Ab Hamid, & Siti Khadijah Ab Manan. (2016). Higher Education Waqf: Implementation Model for a Private Higher Education. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 2(2), 23-32.
- Bairagi, V., & Munot, M. V. (Eds.). (2019). *Research methodology: A practical and scientific approach*. CRC Press, Taylor and Francis Group.
- Bu Yoon Lian v. Meng Sin Corner (2021). *Industrial Court, Kuala Lumpur*, 22 July 2021.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. RoutledgeFalmer.
- Donovan & Ho. (2021, August 9). Case Spotlight: The Significance of Conduct & Control in Employment Contracts. <https://dnh.com.my/case-spotlight-the-significance-of-conduct-control-in-employment-contracts/>
- Faisal, S. (1990). *Format-Format Penelitian Sosial: Dasar-Dasar dan Aplikasi*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.

- Ghazali, S. S., Raffar, Z., & Aida, I. N. (2021). Kepelbagaian bentuk wakaf hak maknawi ke arah pembangunan ummah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(3), 27-36.
- Hasanuddin Yusoff. (2025, Mac 13). Wakaf. (Zul-kifli Hussin, Interviewer).
- KPPIT. (2024, August 31). APA ITU?– Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ('IRA'). KPPIT. <https://kppit.my/apa-itu-akta-perhubungan-perusahaan-1967-ira/>
- M. Kurnia Rahman Abadi. (2024, Julai 07). WAKAF BASYARI. (Zul-kifli Hussin, Interviewer).
- M. Mubasysyarum Bih. (2019). Keutamaan Wakaf. [nucare-laziznu. https://nucare.id/news/keutamaan_wakaf](https://nucare.id/news/keutamaan_wakaf)
- Michelle, E. K., & Lara, V. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data: AMEE Guide No. 131. *Medical Teacher*, 42(8), 846–854.
- Mohd Ali Muhammad, D., Ahmad Che, Y., Sukree, L., & Syahrudin, S. (2022). Model Wakaf Untuk Pendidikan; Pengalaman Malaysia, Indonesia dan Thailand. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 246–251. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/293>
- Mohamad Zaini Abu Bakar. (2025, Mac 13). Pensyarah Kehormat. (Zul-kifli Hussin, Interviewer).
- Mohd Awang, I., Mohd Sobhi, I., Azanin, A., & Aszunarni, A. (2019). *Penyelidikan Sains Sosial: Aplikasi Teori dan Metodologi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fairuz Salleh, Azlina Ahmad, Norida Basnan, Hairunnizam Wahid, Azizah Mohd Harun, Ainol Basirah Abdul Wahab, & Salmy Edawati Yaacob. (2022). Perakaunan Aset Wakaf Di Malaysia. Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan (Pertama). *JAWHAR*.
- Mufti Afif. (2024, Julai 07). WAKAF BASYARI. (Zul-kifli Hussin, Interviewer).
- Muhammad Ikhwan, M. S., Mat Noor Mat, Z., & Salmy Edawati, Y. (2023). Wakaf Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam. 31(2), 141–149.
- Muhammad Ridhwan, A. A. (2020). Infaq dan Wakaf Kepakaran perlu Diterjemahkan dalam Krisis Covid-19. Universiti Islam Malaysia. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/infaq-dan-wakaf-kepakaran-perlu-diterjemah-dalam-krisis-covid-19/> (diakses pada 31 Ogos 2024)
- Mujiburrahman, M. S., Nurul Akma, M., Hamidi, A.G., & Suraini, S. (2024). Potensi Pelaksanaan Wakaf Ekonomi di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Awal: Potential Implementation of Economic Waqf in the State of Kelantan: A Preliminary Survey. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 223-241. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/339>
- Mutiara Dwi Sari & Ahmad Shaifful Anuar, A.S. (2016). Pembangunan Wakaf Pendidikan di University College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(4), 1–17.
- Nor Azlida, A. (2024). Bubblebee didenda RM17,500 gagal bayar caruman PERKESO. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/695911/berita/semasa/bubblebee-didenda-rm17500-gagal-bayar-caruman-perkeso>. Oktober 2024.
- Perbadanan Wakaf Selangor. (2024). <https://www.wakafselangor.gov.my/>
- Qomar, M. (2023). *Metodologi Penelitian Kualitatif: Membekali Kemampuan Membangun Teori Baru*. Malang: Inteligensia Media.
- Rejab, S., & Abdullah, N. (1982). *Panduan menulis tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Saidi, M. I. M., Zain, M. N. M., & Yaacob, S. E. (2023). Wakaf Service From An Islamic Point Of View: Wakaf Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 141-149.
- Saputra, I., Amin, A. R. M., & Ilyas, M. (2023). Analisis Mazhab Fikih terhadap Wakaf Diri. *Shautuna: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Perbandingan Mazhab*, 705-716.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Abdul Ghani, H., & Noor, S. (2021). Kajian Terhadap Kepercayaan Masyarakat Terhadap Institusi Pengurusan Wakaf di Malaysia. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83 - 96. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/193>
- Sugiyono. (2017). *Metode Penelitian Kualitatif, Kuantitatif, dan R&D* (Edisi ke-25). Bandung: Alfabeta.
- Wakaf Perak Ar-Ridzuan. (2017). <https://wakafperak.gov.my/portal/index.php/ms/>
- Yayasan Wakaf Malaysia. (2024). <https://www.ywm.gov.my/pengenalan-wakaf>
- Zubair Amir, Nur Mardia Mazri, Muhammad Ikhlas Rosele, & Luqman Abdullah. (2024). Wakaf Perkhidmatan: Perspektif Fiqh Dan Cadangan Pelaksanaan. *Jurnal Syariah*, 32(1), Article 1. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol32no1.3>
- Zul-kifli, Hussin dan Nurain Ab. Hamid. (2022). ‘Gerakan Ateis Dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan’. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), 1–13.